

27/03/2001

Dr Ismail Tokoh Maal Hijrah

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Isnin - Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim), Datuk Dr Ismail Ibrahim, 63, hari ini diumumkan sebagai Tokoh Maal Hijrah 1422H.

Dr Ismail yang juga Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan menerima hadiah sejumlah RM30,000 sumbangan kerajaan, RM20,000 daripada Yayasan Ubaidi, pingat, plak dan sijil.

Hadiah disampaikan oleh Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah pada majlis sambutan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan Tahun 1422 Hijrah/2001 di Stadium Putra, Bukit Jalil, dekat sini.

Hadir sama, Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tuanku Siti Aishah; Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi serta isteri dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Brig Jen (B) Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk Sambutan Ma'al Hijrah peringkat kebangsaan.

"Saya sendiri tidak pernah bercita-cita, apa lagi menduga untuk menerima anugerah ini," katanya dalam ucapan sejurus diumumkan sebagai penerima hadiah itu bagi tahun ini.

Antara kriteria pemilihan itu ialah seseorang yang mempunyai pengetahuan luas dan mendalam ke arah pembangunan ummah, mempunyai sifat peribadi unggul yang boleh menjadi teladan, khidmat cemerlang dalam syiar Islam dan ketokohnya diterima masyarakat umum.

Dalam ucapan itu, beliau turut memetik ungkapan Saidina Abu Bakar al-Siddiq ketika dilantik menjadi khalifah pertama, berbunyi: "Bahawa sesungguhnya, aku dilantik pada hari ini untuk menjadi pemimpin kamu sekalian, tetapi aku bukanlah orang yang paling baik di antara kaum".

Dengan meminjam kata-kata itu, Dr Ismail berkata, beliau dipilih untuk menerima anugerah itu bagi tahun ini bukan kerana dirinya yang terbaik di antara tokoh lain yang masih ramai di negara ini.

Bercakap kepada pemberita kemudian, Dr Ismail yang berasal dari Sungai Petani, Kedah, melahirkan rasa syukur dan berterima kasih terutama kepada pengerusi jawatankuasa panel pemilihan yang diketuai Abdul Hamid.

Katanya, walaupun dipilih sebagai Tokoh Maal Hijrah bagi tahun ini, ia tidak bermakna beliau adalah tokoh terbaik.

"Sebenarnya, ramai lagi tokoh lain dalam bidang agama dan fardu kifayah di negara ini," katanya merendah diri.

Beliau berkata, ketika melanjutkan pelajaran di sebuah sekolah Arab di Alor Star, Kedah, cita-citanya cuma mahu menjadi seorang guru al-Quran dengan gaji sebanyak RM120 sebulan.

"Hidup dan membesar secara sederhana di kampung dan kemudian menyambung pelajaran ke sekolah Arab dengan masa depan yang tidak menentu.

Bagaimanapun, ia tidak pernah menjadikan saya lemah semangat atau berterusan menjadi seorang yang mengalami perasaan rendah diri secara melulu," katanya.

Anak ketua kampung itu mendapat pendidikan awal - sekolah atap selama lima tahun di kampungnya, Matang Berangan, sebelum melanjutkan pelajaran ke sekolah Arab, Al-Maahad Al-Mahmud dan ke Kolej Islam Malaya dan Universiti al-Azhar, Mesir.

Dr Ismail yang mendapat Ijazah Kedoktoran (PhD) di St Andrews University, Scotland pada 1975 membina kerjayanya di bidang pendidikan dan penyelidikan sebagai guru dan Pegawai Penyelidik Dewan Bahasa dan Pustaka,

sebelum menyertai Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sebagai pensyarah.

Beliau kemudian berpindah ke Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan bertugas di universiti itu sejak seawal penubuhannya hingga dilantik sebagai profesor.

Pada awal 1991, Dr Ismail diminta merangka asas penubuhan Ikim sehingga ia dapat dilancarkan pada tahun berikutnya dan beliau sendiri dilantik sebagai Ketua Pengarahnya hingga sekarang.

Ketokohnya sebagai pemimpin bermula sejak di bangku sekolah dan universiti apabila menyertai pelbagai pertubuhan pelajar, di samping dorongan daripada ayahnya.

Sebagai Ketua Pengarah Ikim, beliau kini giat menerbitkan buku, majalah dan jurnal berkaitan Islam, selain kerap muncul dalam pelbagai program Ikim di televisyen dan radio.

Beliau yang turut memiliki diploma pendidikan pernah menjadi guru selama lapan bulan di sekolah menengah kerajaan dan perunding di Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (Isis), sebelum dilantik Ketua Pengarah Ikim.

(END)